



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 21 FEBRUARI 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PESTA JERAMI GULUNG DAPAT SAMBUTAN HANGAT, NEGERI, HARAKAH -H18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
2.	MARDI REALISASIKAN HASRAT PENIAGA KELUAR PES KARI, IKAN BAKAR, USAHA NIAGA, HARAKAH -H24	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14.	NAEZ PROJEK TINGKATKAN PENGELUARAN PADI, NEGERI, HARAKAH -H18 PELADANG CILI BANGKIT SEMULA SELEPAS BANJIR MUSNAHKAN TANAMAN, MUKA DEPAN, BH -1 BANGKIT TERUSKAN PROJEK KOMERSIAL TEBU, LOKAL, HM -4 TEMBIKAI PASIR PUTEH KENA BANJIR DILELONG RM1 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO -18 PETANI RUGI AKIBAT BENCANA ALAM DIBANTU, KELANTAN, HARAKAH -H13 PENTERNAK AYAM PERLU HENTI BOIKOT, DALAM NEGERI, UM -8 10 TAHUN TUNGGU LESEN NELAYAN, NEGARA, KOSMO -16 10 TAHUN BELUM LULUS MOHON LESEN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -29 PENTERNAK KERUGIAN LEBIH RM30,000, DALAM NEGERI, UM -29 KUMPUL MODAL TANAM SEMULA CILI FERTIGASI, NASIONAL, BH -20 KELUARGA DORONG TERUSKAN USAHA LADANG TEBU, NASIONAL, BH -20 2 PENTERNAK LEMBU RUGI RM30,000 RUMPUT NAPIER DIROSOK GAJAH, NASIONAL, BH -20	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

NAEZ projek tingkatkan pengeluaran padi

Oleh SARINA ISMAIL

PENDANG: EMM 2.0 Pendang merupakan inisiatif strategik di bawah NCIA Agribio Economic Zone (NAEZ) sebagai projek Pengurusan Estet Padi bagi mencari kaedah terbaik untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi.

Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, teknologi baru dan terkini ini dijangka dapat membantu para petani meningkatkan hasil pengelu-

aran padi dan pendapatan masing-masing.

Menurutnya EMM 2.0 Pendang merupakan kesinambungan daripada projek EMM 1.0 yang bermula sejak RMK-10 di mana pengurusannya mencari kaedah meningkatkan pengeluaran padi sehingga mencapai 8 tan metrik/hektar (mt/ha) menjelang tahun 2026.

"Penambahbaikan utama yang dilakukan dalam EMM 2.0 adalah pengenalan Sistem Pertanian Pin-

tar (SFS) yang pertama kali dilaksanakan di kawasan padi secara komersial," ujarnya ketika lawatan kerja ke Tapak Projek Pengurusan Estet Padi (EMM) 2.0 Pendang, Selasa lalu.

Katanya lagi, Program EMM 1.0 sebelum ini melibatkan 2,000 hektar sawah dengan penglibatan pesawah di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Seterusnya diperluas ke beberapa lokasi lain di Kuala Muda Selatan, Asun dan Kerpan di Kedah dan

Kerian di Perak termasuk sawah di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Selain itu sistem ini dipantau oleh kumpulan penasihat teknikal (TWG) yang terdiri daripada The Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Centre (CREST) sebagai koordinator dan kepakaran daripada beberapa agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Universiti Sains Malaysia (USM), MIMOS Berhad dan Eliance.

"Melalui sistem ini, para petani dapat dibantu untuk menguruskan tanaman padi dengan lebih sistematik, moden dan berkualiti tanpa bergantung penuh kepada pengurusan secara manual dan secara tidak langsung dapat menarik golongan muda dan berpendidikan



Melihat penggunaan drone kaedah terkini untuk memudahkan kerja-kerja siraman baja.

menceburi industri padi negara," jelasnya lagi.

Sanusi juga berkata, sejak awal musim 2/2021 iaitu pada bulan Oktober 2021, kerja-kerja pembangunan dan pelaksanaan SFS telah dimulakan melalui 'intervention' pihak NCIA dan ia telah berjaya meningkatkan purata hasil padi daripada 2 mt/ha kepada 4.5 mt/ha dalam masa satu musim sahaja.

Sementara projek yang

berjumlah RM5 juta ini telah dilaksanakan di Kampung Asam Jawa, Pendang dengan keluasan 64 hektar dan diuruskan oleh syarikat tempatan melibatkan penggunaan Internet Pelbagai Benda atau IPB (IoT-Internet of Things) dan Revolusi Industri Keempat (IR4.0).

Turut hadir, Exco Kerajaan Negeri Kedah, Dato' Dr Mohd Hayati Othman, Azman Nashrudin dan Dato' Suraya Yaakob.

Pesta Jerami Gulung dapat sambutan hangat



Keindahan replika kota yang dibina dari jerami gulung.

YAN: Pesta Jerami Gulung semakin mendapat perhatian orang ramai terutama penduduk berdekatan.

Selain di Kepala 10, Sedaka yang telah disiarkan *Harakah* pada edisi lalu, terdapat satu lagi yang tidak kurang menariknya terletak di Kampung Kuala Dulang Kechil, Yan.

Fiesta Jerami Gulung KKDK berkenaan adalah hasil usahasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Kawasan Rukun Tetang-

ga (KRT) Kampung Kuala Dulang Kechil.

Ahli Parlimen Jerai, Ustaz Sabri Azit ketika hadir merasmikan fiesta terbabit menzahirkan rasa terujanya dengan binaan 40 jerami gulung yang secara tidak langsung berjaya menarik perhatian pengunjung.

"Sangat cantik dan unik binaan jerami gulung ini dan sangat sesuai untuk bergambar untuk mengabadikan kenangan sebelum fiesta ini berakhir," kata

beliau.

Menurutnya, tapak terbit telah mula dibuka pengunjung pada 1 Februari lalu dan menelan belanja hampir RM2,520 untuk membeli jerami gulung dari Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Sempena majlis perasmian pada 14 Februari lalu, Sabri tidak ketinggalan membawa ahli keluarga untuk bersama-sama menikmati keindahan dan keunikan jerami gulung yang bukan selalu diadakan.

"Orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan fiesta ini tetapi diharap dapat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan," ujar beliau lagi.

Antara yang turut hadir pada majlis perasmian berkenaan termasuklah Pegawai Perpaduan Yan, Nasriza Long dan Pegawai Perpaduan Daerah Kuala Muda, Fakhzan Nasir.



Ahli Parlimen Jerai, Ustaz Sabri Azit merasmikan karnival.

21/2/2022

HARAKAH

USAHA

H24

NIAGA

MARDI realisasikan hasrat peniaga keluar pes kari, ikan bakar

KUALA TERENGGANU - Seorang pemilik kedai makan bersyukur kerana hasratnya untuk mengeluarkan sendiri pes kari dan ikan bakar yang sering mendapat permintaan tinggi pelanggan akhirnya tercapai setelah mengikuti kursus di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Abdul Mutalib Mohamad, 38, yang mula berniaga secara kecil-kecilan pada tahun 2015 berkata MARDI banyak membantunya dalam mengendalikan proses untuk mengeluarkan produk pes kari ikan, kari ayam dan daging serta pes ikan bakar jenama Warung Santal D'River (WSDR).

Beliau berkata buat permulaan, pihaknya mengeluarkan 1,000 paket pes tersebut untuk dijual di lima cawangan Pesaraya Sabasun seluruh Terengganu dan di dua cawangan WSDR iaitu di Kuala Terengganu dan Paka.

"Saya juga telah mendapat tawaran awal dari Lembaga Pemasaran-Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk menembusi pasaran Dubai serta beberapa negara Asia Tenggara



Abdul Mutalib Mohamad (tengah) di majlis pelancaran pes kari

nya yang lain dalam masa terdekat. "Selain itu, Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) Terengganu juga banyak membantu dari segi promosi dan bimbingan perniagaan. Tanpa bantuan semua agensi dan jabatan kerajaan ini, impian untuk mengeluarkan sendiri pes jenama sendiri mungkin agak sukar dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita selepas majlis

"Setiap kali pelanggan tanya sama ada pes kari dan ikan bakar turut dijual, saya hanya mampu berkata ia akan dikeluarkan tidak lama lagi sedangkan saya sendiri tidak tahu bagaimana caranya untuk mengeluarkan pes jenama sendiri.

"Hasrat saya tercapai apabila seorang rakan mencadangkan agar saya mengikuti kursus di MARDI Terengganu pada tahun lepas dan terus berusaha merealisasikan hasratnya dalam tempoh tidak sampai dua bulan," katanya yang kini mempunyai 30 pekerja di dua cawangan kedai makan tersebut.

Terletak di tepi Sungai Terengganu dekat Kampung Pasir Tinggi di sini, kedai makan WSDR menjadi tumpuan orang ramai dan pernah tular sebelum ini kerana menu utamanya, kari kepala ikan adalah hidangan yang jarang dijual oleh restoran atau kedai makan yang lain di sekitar Terengganu.

Mengakui tidak pernah mengi-

kuti sebarang kursus masakan secara rasmi, Abdul Mutalib berkata resipi kari kepala ikan itu dipelajari daripada ibunya, Saadiah Awang, 65, yang berasal dari Singapura.

"Ibu saya pernah bekerja sebagai tukang giling rempah kari di restoran mamak di Singapura... apabila sudah berkahwin, dia berpindah ke Terengganu dan saya sangat mengemari masakan kari ibu kerana keenakannya tidak sama seperti kari yang lain.

"Tidak sangka pula, sambutan kari kepala ikan di WSDR ini sangat menggalakkan dan saya bersyukur kerana akhirnya dapat memenuhi permintaan pelanggan untuk menjual pes kari ini agar mereka dapat menyediakannya dengan lebih mudah dan menarik matinya pada bila-bila masa," katanya.

Harapannya, agar peniaga lain turut mengintai peluang yang disediakan kerajaan untuk membantu mereka mengembangkan lagi perniagaan seterusnya meneroka pasaran di luar negara. -BNM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2022	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1



Peladang cili bangkit semula selepas banjir musnahkan tanaman

Ahmad Irham Mohd Noor, 41 yang kerugian hampir RM100,000 selepas kebun cili fertigasi diusahakannya di Dengkil musnah ditenggelami banjir pada Disember lalu, kembali bangkit mengusahakan tanaman itu yang kini menjadi sumber pendapatan beliau sekeluarga. Ahmad Irham yang memerlukan sekurang-kurangnya RM15,000 sebagai modal tanam semula bertungkus lumus mengumpul dana sendiri kerana sehingga kini masih menanti bantuan daripada agensi berkaitan. **Nasional 20**

(Foto Mohd Fadli Hamzah / BH)

Bangkit teruskan projek komersial tebu

Seremban: Pernah mengalami kerugian RM60,000 selepas tebu ditanam di kawasan seluas empat hektar di Kampung Durian Daun Rembau, musnah ditenggelami banjir pada 2018.

Namun ia tidak mematahkan semangat Abd Rahim Amil, 31, untuk meneruskan projek itu secara komersial hingga tebu ditanam berjaya dieksport ke Singapura.

Abd Rahim berkata, dorongan ahli keluarga terutama ibunya, Rohimah Mohd Nor, 55, menjadi pembakar semangat untuk terus gigih mengusahakan projek berkenaan di Kampung Pulau Labu, Labu di sini.

"Saya sudah memulakan projek sebagai pembekal tebu asli sejak 2011 membatikan tanaman seluas 0.4 hektar dan kemudian kawasan tanaman diperluaskan lagi sehingga kepada 2.04 hektar ketika ini.

"Setiap 0.4 hektar tanah menghasilkan 2,000 rumpun tebu atau keseluruhan 20,000 tebu dan boleh dituai dalam tempoh lapan bulan pada tahun pertama dan antara lima ke enam bulan pada tahun kedua.

"Tebu yang saya keluar-



ABD Rahim di ladang tebu diusahakannya di Kampung Pulau Labu, Labu, Seremban.

kan dijual pada harga antara RM2 dan RM3 sebatang. Selain untuk pasaran tempatan, ia turut dipasarkan ke Singapura melalui syarikat di Johor Bahru," katanya.

Abd Rahim berkata, dia pernah mendapat tajaan

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan apabila berpeluang mengikuti kursus pengurusan ladang selama setahun di Jepun pada 2016/2017.

Menurutnya, ilmu dan kepakaran itu dimanfaatkan

kan sebaik mungkin untuk mengusahakan ladang berkenaan bagi mengeluarkan tebu yang baik dan berkualiti.

Katanya, ketika ini keseluruhan ladang tebu miliknya menghasilkan hingga 28 tan akhir tahun lalu.

"Saya berhasrat membesarkan ladang tebu ini bagi menambah pengeluaran kerana permintaan yang sentiasa meningkat," katanya yang juga penerima bantuan daripada kerajaan negeri menerusi Insentif Petani Muda dan Insentif Pengeluaran Agro Makanan yang masing-masing bernilai RM10,000 dan RM5,000.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Bakri Sawir berkata, Abd Rahim adalah seorang petani muda yang boleh dijadikan contoh golongan muda yang lain.

Beliau berkata, kerajaan negeri memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan pembangunan sektor pertanian dalam negeri selain memperkasakan ekonomi rakyat khususnya golongan petani yang terjejas akibat Covid-19.

Tembikai Pasir Puteh kena banjir dilelong RM1 sekilogram

PASIR PUTEH – Rata-rata pekebun tembikai di Kampung Pak Mak Yong dan Tok Bali di sini terpaksa menjual hasil tanaman mereka yang selamat semasa kejadian banjir kilat minggu lalu serendah RM1 sekilogram.

Amaran Ibrahim, 52, yang mengusahakan 1.6 hektar berka-ta, dia terpaksa membuka gerai sendiri untuk menjual buah tersebut ekoran harga tembikai yang ditawarkan pemborong serendah 50 sen sekilogram berbanding RM1.50 sebelum ini.

Katanya, musibah yang berlaku itu menyebabkan petani gagal melunaskan hutang membajak, baja dan lain-lain input pertanian bagi pengurusan penanaman.

“Kami terpaksa menjual sendiri tembikai secara longgok pada harga RM1 sekilogram di tepi jalan utama Tok Bali-Bachok di sini.

“Ini merupakan salah satu usaha untuk mendapatkan sumber pendapatan,” katanya semalam.

Seorang lagi petani, Zamri Mat Hassan, 51, memberitahu,



ZAIDI OMAR menjual tembikai yang sempat diselamatkan akibat banjir di tepi Jalan Tok Bali-Bachok, Pasir Puteh semalam. – TOREK SULONG

mereka terpaksa menjual hasil tanaman secara terus pada harga lelong kerana perlu menuai lebih awal daripada jadual sebenar.

Menurutnya, hanya 50 peratus hasil tembikai berjaya dikutip dalam kebun selepas ditenggelami air minggu lalu.

“Musibah ini menyebabkan petani terpaksa menjual kepada

pemborong pada harga sangat murah,” katanya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, ratusan penanam tembikai di sekitar daerah Pasir Puteh kerugian hampir RM500,000 apabila kebun mereka dilanda banjir kilat berikutan hujan lebat yang berlaku tiga hari berturut-turut sejak Isnin minggu lalu.

Petani rugi akibat bencana alam dibantu

Oleh **ZULKEFLI HUSSIN**

BACHOK: Kerajaan menyediakan bantuan kepada petani dan penternak yang terlibat dalam bencana alam.

Anggota Exco kerajaan negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, begitu juga kerugian yang dialami penanam tembikai di Kampung Kandis di akibat ditenggelami air ekoran hujan lebat.

Katanya kerajaan menunggu laporan daripada Jabatan Pertanian berkaitan kejadian tersebut.

"Diharap semua yang terlibat dapat menyediakan maklumat lengkap bagi memudahkan bantuan diagihkan," katanya di sini.

Sementara itu seorang penanam tembikai Shafiah Mansor, 62, berkata tanaman tembikai yang diusahakan seluas hampir dua ekar rosak kerana ditenggelami air antara 0.2 hingga 0.3 meter.

Katanya tembikai tersebut dijangka dapat dituai



Petani memetik tembikai yang digelangi air.

dalam tempoh dua minggu lagi.

"Modal pusingan sebanyak RM15,000 bagi mengusaha tanaman tembikai yang dijangka menghasilkan pulangan antara RM30,000 hingga RM40,000 semusim," katanya ketika ditemui di Kampung Kandis.

Hujan lebat melanda bahagian utara Kelantan baru-baru ini sehingga banyak kawasan rendah ditenggelami air hujan.

Seorang lagi petani Rusniza Zakaria, 42 berkata,

tanaman tembikai yang diusahakan hampir satu hektar turut terjejas kerana ditenggelami air.

"Biasanya Februari setiap tahun bermula musim kemarau di Kelantan tetapi tahun ini berlaku di sebaliknya," katanya.

Azmi Yacob, 62, dari Kampung Aman berkata, beliau terpaksa menuai buah seminggu lebih awal untuk mengelak tembikai dan labu yang diusahakan di kawasan seluas kira-kira 10 hektar rosak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Penternak ayam perlu henti boikot

PETALING JAYA: Tindakan penternak ayam melakukan boikot kerana tidak puas hati dengan subsidi yang lambat sampai kepada mereka perlu dihentikan segera supaya tidak menjejaskan bekalan barangan keperluan itu, khususnya menjelang hari perayaan.

Penternak dan pembekal ayam perlu berganding bahu dengan kerajaan dalam menyelesaikan masalah bekalan supaya masalah dihadapi tidak berlarutan khususnya menjelang perayaan bakal tiba.

Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, pemberian subsidi ayam dan telur tetap diterima penternak walaupun mengalami masalah kelewatan.

"Saya menyeru para penternak teruskan bekalan telur dan bukannya ambil tindakan boikot. Menjelang bulan puasa dan musim hari raya, telur adalah bahan yang penting untuk menyediakan juadah. Jika bekalan terputus, banyak pihak terpengaruh terutama pengguna berpendapatan sederhana bawah.

"Apabila bekalan terjejas, harganya naik seterusnya mengakibatkan harga jualan makanan pun akan naik, para pengguna perlu membayar harga yang lebih tinggi dan kos perbelanjaan akan tinggi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar melaporkan, kerajaan memutuskan pemberian subsidi ayam dan telur kepada penternak di seluruh negara untuk tempoh empat bulan sehingga 4 Jun ini melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM528.52 juta.

Presiden Perisatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKP), Samsudin Mohamad Fauzi pula berkata, walaupun kerajaan sudah menetapkan harga siling bernilai RM8.90 tetapi masih ada desakan berterusan untuk menaikkan harga.

10 tahun tunggu lesen nelayan

YAN – Seramai 10 nelayan pantai berpangkalan di jeti Singkir Laut di sini hanya mampu berdoa agar dihindarkan daripada bahaya setiap kali turun ke laut kerana tidak mempunyai lesen sejak lebih 10 tahun lalu.

Ini berikutan permohonan mereka untuk mendapatkan lesen telah lama dibuat kepada pihak berkuasa, namun sehingga kini masih belum diperolehi.

Mohd. Zukir Abdulah, 60, berkata, sejak bergelar nelayan pada 2011, dia memohon lesen melalui Jabatan Perikanan tetapi sehingga kini masih belum diketahui statusnya.

“Borang permohonan sudah dilengkapkan dan memenuhi syarat yang ditetapkan, namun mengapa mengambil masa yang lama untuk diluluskan. Kalau tidak ke laut, bagaimana saya hendak menyara keluarga kerana hanya ini mata pencarian kami,” katanya ketika ditemui semalam.

Nelayan pukat udang dan ketam, Sadam Rusli, 30, memberitahu, sebelum ini, dia menumpang perahu rakannya untuk ke laut sebelum membeli bot sendiri.

“Saya memohon mendapatkan lesen, namun sehingga kini belum diperolehi menyebabkan saya menyerahkan nasib kepada Allah setiap kali ke laut. Jika tidak berbuat demikian dapur tak berasap,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan, Abdul Hamid Bahari berkata, nelayan diminta supaya berurusan dengan ketua unit persatuan nelayan di kawasan masing-masing bagi memudahkan urusan.

“Jabatan Perikanan mempunyai kuota untuk meluluskan lesen setiap tahun. Mereka perlu membuat semakan bagi memastikan nelayan yang layak mendapat lesen dan mengelak ia disalah guna,” katanya.



MOHD. ZUKIR memeriksa pukat sambil dibantu isterinya, **Norla Awang Ahmad** ketika ditemui di Jeti Singkir Laut, Yan semalam.

10 tahun belum lulus mohon lesen nelayan

Oleh OTHMAN YAHAYA
utusannews@mediamula.com.my

YAN: Seramai 10 nelayan pantai berpangkalan di jeti Singkir Laut di sini kecewa apabila lesen nelayan yang dimohon sejak 10 tahun lalu belum diluluskan.

Keadaan tersebut menyebabkan mereka terpaksa keluar menangkap ikan tanpa lesen dan berhadapan dengan risiko ditahan dan dikenakan tindakan pihak berkuasa.

Seorang nelayan dari Kampung Singkir Genting, Mohd. Zukir Abdulah, 60, berkata, dia telah memohon lesen nelayan melalui Jabatan Perikanan sejak tahun 2011, namun, sehingga kini masih belum diketahui statusnya.

"Borang permohonan saya semuanya telah lengkap dan mengikut syarat yang dikehendaki, tetapi, masih mengambil masa yang lama untuk diluluskan.

"Kalau tidak ke laut kerana menan-

tikan lesen, saya akan hilang mata pencarian untuk menanggung lima beranak kerana hanya pekerjaan ini yang mampu dilakukan di kampung ini," katanya semasa ditemui di sini hari ini.

Nelayan pukut udang dan ketam, Sadaam Rusli, 30, berkata, sebelum ini, dia menumpang perahu rakannya untuk ke laut mencari rezeki.

"Berkat berjimat cermat, akhirnya 10 tahun lalu saya membeli bot sendiri dan memohon untuk mendapatkan lesen.

"Namun, sehingga kini, lesen yang dinanti gagal diperoleh menyebabkan saya menyerahkan nasib kepada Allah tiap kali turun ke laut kerana jika tidak berbuat demikian dapur di rumah saya tidak akan berasap," katanya yang mempunyai seorang anak.

Seorang lagi nelayan, Mohd. Zainuddin Zainol, 47, berkata, dia mendapati karenah birokrasi dipercayai punca lesen dipohon oleh nelayan di sini lewat diproses.



SEBAHAGIAN daripada bot nelayan pantai yang berpangkalan di Jeti Singkir Laut, Yan, Kedah. - UTUSAN/OTHMAN YAHAYA



PAGAR di ladang penternak yang rosak akibat serangan gajah liar di Bandar Al Muktafi Billah Shah (AMBS) di Dungun, Terengganu, semalam. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

Penternak kerugian lebih RM30,000

DUNGUN: Dua penternak lembu di Bandar Al Muktafi Billah Shah (AMBS) di sini kerugian lebih RM30,000 selepas sekumpulan gajah liar menceroboh ladang dan memusnahkan tanaman rumput napier diusahakan mereka.

Dalam kejadian Khamis lalu, kumpulan gajah itu bukan sahaja memusnahkan rumput napier dan lebih 10 pokok pisang yang ditanam, malah, turut memusnahkan struktur pagar di kawasan ladang seluas 240 hektar berkenaan.

Seorang penternak, Mohd. Arifin Mamat, 58, berkata, insiden itu pertama kali berlaku sepanjang empat tahun dia dan

rakan menternak lembu.

"Kawasan ladang ini merupakan ladang gajah kerana berhampiran hutan, tetapi, kami terkejut kerana ia sudah mula menceroboh," katanya ketika ditemui pemberita semalam.

Seorang lagi penternak, Abdul Wahab Mohd. Amin, 60, berkata, kes serangan gajah liar itu menambah kebimbangannya terhadap keselamatan lebih 200 lembu yang ditenak mereka.

"Apabila pagar rosak tentunya kami risau kemunculan harimau kumbang dan babi kerana terletak berhampiran hutan," katanya.

Kumpul modal tanam semula cili fertigasi

Bekas jurugambar NSTP rugi hampir RM100,000 selepas tanaman ditenggelami bah

Oleh Norzairra Che Noh
bhnews@bh.com.my

Dengkil: Kerugian hampir RM100,000 selepas kebun cili fertigasi yang diusahakannya ditenggelami banjir di sini pada Disember lalu, tidak menghalang seorang bekas jurugambar akhbar berusaha untuk bangkit kembali mengusahakan tanaman itu.

Ahmad Irham Mohd Noor, 41, memaklumkan bencana yang melanda baru-baru ini, menyebabkan sebanyak 2,500 polibeg dengan 5,000 anak pokok cili yang baru sebulan ditanam, musnah sepenuhnya.

Katanya, semua tanaman itu ditenggelami banjir selama enam hari apabila paras air mencapai paras pinggang.

"Anggaran kerugian termasuk anak pokok cili, baja, racun dan lain-lain mencecah RM100,000 dan untuk memulakan semula tanaman ini, saya memerlukan sekurang-kurangnya sejumlah RM15,000.

"Tidak mahu menunggu terlalu lama, saya berusaha mengumpul modal untuk memulakan semula tanaman cili ini kerana ia adalah sumber pendapatan saya sekarang.

"Alhamdulillah, semalam (kelmarin) saya selesai menanam 2,500 polibeg anak pokok cili di atas tanah seluas satu ekar dengan bantuan ahli keluarga serta rakan-rakan," katanya ketika di-



Ahmad Irham memulakan semula penanaman cili fertigasi selepas kebunnya ditenggelami banjir di Kampung Sri Tanjung, Dengkil pada Disember tahun lalu. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

hubung semalam.

Mengimbas banjir yang melanda, Ahmad Irham berkata, kebiasaannya beliau tidur di kebun pada hujung minggu tetapi secara kebetulan ketika hari kejadian pada 18 Disember lalu, beliau berada di rumah di Putrajaya.

Katanya, apabila ke kebun pada pagi Sabtu, beliau terkejut mendapati laluan ke kebun tenggelam dan perlu mengharungi air sejauh kira-kira 250 meter untuk ke kebunnya.

"Ketika itu air sudah capai paras pinggang, saya tahu memang tiada apa boleh diselamatkan.

"Saya ke sana untuk memetik bekalan elektrik dalam stor kebun. Selepas enam hari, luluh hati saya melihat semua pokok cili bersama baja dan racun yang baru dibeli musnah sepenuhnya.

"Sebenarnya, sebelum musnah tempoh hari, semua pokok cili di kebun berada dalam keadaan

yang sangat cantik dan bunga mulai berputik. Saya memang sedih tapi terpaksa menerimanya sebagai takdir dan perlu bangkit semula," katanya.

Beliau berkata, anak pokok cili yang baru ditanam semalam adalah pusingan keempat yang mana beliau hanya menanam dua kali dalam tempoh setahun.

Ahmad Irham yang pernah berkhidmat sebagai jurugambar akhbar terbitan The New Straits Times Press (NSTP), berkata cili berkenaan kebiasaannya boleh dituai selepas tiga bulan ditanam dan sekiranya pokok cantik serta subur, kutipan cili boleh mencecah 3,000 kilogram untuk satu musim.

Dalam pada itu, Ahmad Irham juga berharap pihak berkaitan terutama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tampil membantu petani seperti yang terjejas akibat bencana alam itu.



Abd Rahim di ladang tebuinya di Kampung Durian Daun Rembau, Seremban.

Keluarga dorong teruskan usaha ladang tebu

Seremban: Kerugian sejumlah RM60,000 apabila tebu ditanam di kawasan seluas empat hektar di Kampung Durian Daun Rembau musnah ditenggelami banjir pada 2018, tidak mematahkan semangat Abd Rahim Amil untuk bangkit.

Sebaliknya pengalaman itu mendorong Abd Rahim, 31, meneruskan projek secara komersial di Kampung Pulau Labu, Labu, di sini.

Abd Rahim berkata, dorongan ahli keluarga terutama ibunya, Rohimah Mohd Nor, 55, menjadi pembakar semangat untuk terus gigih mengusahakan projek berkenaan.

"Saya sudah memulakan projek sebagai pembekal tebu asli sejak 2011 memabihkan tanaman seluas 0.4 hektar dan kemudian kawasan tanaman diperitaskan lagi sehingga kepada 2.04 hektar ketika ini.

"Setiap 0.4 hektar tanah mampu menghasilkan kira-kira 2,000 rumpun tebu atau keseluruhan kira-kira 20,000 batang dan tebu boleh dituai dalam tempoh lapan bulan pada tahun pertama dan antara lima ke enam bulan pada tahun kedua.

"Tebu yang saya keluarkan dijual pada harga antara RM2 dan RM3 sebatang setakat ini, selain untuk pasaran tempatan, turut dipasarkan ke Singapura melalui syarikat di Johor Bah-

ru," katanya semalam.

Abd Rahim berkata, dia pernah mendapat tajaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan apabila berpeluang mengikuti kursus pengurusan ladang selama setahun di Jepun pada 2016/2017.

Beliau berkata, ketika ini keseluruhan ladang berjaya menghasilkan sehingga 28 tan tebu akhir tahun lalu.

"Saya berhasrat untuk membesarkan ladang tebu ini bagi menambah pengeluaran kerana permintaan yang sentiasa meningkat," katanya yang juga penerima bantuan daripada kerajaan negeri menerusi Insentif Petani Muda dan Insentif Pengeluaran Agro Makanan yang masing-masing bernilai RM10,000 dan RM5,000, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Bakri Sawir berkata Abd Rahim adalah seorang petani muda yang boleh dijadikan contoh orang muda yang lain.

Beliau berkata, kerajaan negeri memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan pembangunan sektor pertanian dalam negeri, selain memperkasakan ekonomi rakyat khususnya petani yang terjejas akibat COVID-19.

2 penternak lembu rugi RM30,000 rumput napier dirosak gajah

Dungun: Dua penternak lembu di Bandar Al Muktafi Billah Shah, di sini, kerugian RM30,000 selepas tanaman rumput napier yang diusahakan mereka dirosakkan sekumpulan gajah.

Penternak, Abdul Wahab Mohd Amin, 60, berkata selain merosakkan tanaman rumput yang diusahakan di kawasan seluas 240

hektar itu, kumpulan gajah berkenaan turut memusnahkan pagar ladang.

Beliau berkata, kejadian berlaku pada Khamis lalu itu adalah yang pertama sejak empat tahun mereka mengusahakan ternakan lembu di situ.

"Sebelum ini, kumpulan gajah terbahit hanya melalui kawasan

ini dan mungkin dalam hutan sudah tiada lagi makanan, maka haiwan berkenaan mencerooboh masuk ke ladang ini.

"Kesan serangan gajah itu menyebabkan penternak bimbang keselamatan 200 lembu ternakan mereka. Apabila kawasan pagar sekeliling dirosakkan gajah, kami bimbang lembu ternakan di

baham binatang liar lain seperti harimau kumbang," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Ghazali Sulaiman, berkata pihaknya sudah memaklumkan mengenai kejadian berkenaan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Ta-

man Negara (PERHILITAN).

"Selain itu, kita juga akan maklumkan kepada agensi lain iaitu Jabatan Veterinar dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

"Kita percaya pihak terbabit dapat membantu bagi meringankan beban terhadap penternak yang terkesan," katanya.